

## **Gejala Buli (Part 5)**

**Azizi bin Hj Yahaya**

Faktor keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam ciri perlakuan buli. Penggunaan kekerasan dan tindakan yang keterlaluan oleh ibu bapa akan menggalakkan tingkah laku buli di kalangan kanak-kanak. Tindakan ahli keluarga yang secara keterlaluan mendera samada secara lisan atau fizikal akan mengajar kanak-kanak bertingkah laku ganas dan aggresif. Kanak-kanak tersebut menerima ajaran secara tidak langsung bahawa tindakan menentang ialah cara bagi mereka untuk menyelesaikan masalah.

Selain daripada itu, faktor rakan sebaya memainkan peranan penting terhadap perkembangan dan pengukuhan tingkah laku buli, sikap antisosial dan salah laku di kalangan kanak-kanak. Kehadiran rakan sebaya akan menyebabkan pembuli memperoleh sokongan. Rakan sebaya selalunya akan mengambil sikap berdiam diri dan enggan untuk campur tangan, dan mereka beranggapan sesiapa yang campur tangan akan mengundang bencana yang lebih buruk terhadap diri mereka.

Faktor seterusnya ialah faktor sekolah adalah terdiri daripada persekitaran, amalan serta polisi sekolah mempengaruhi aktiviti, tingkah laku serta interaksi pelajar di sekolah. Menurut Azizi Yahaya (2007), sekiranya faktor ini tidak di penuhi, pelajar mungkin akan bertindak untuk mengawal persekitaran mereka dengan melakukan buli terhadap orang lain. Situasi ini menyebabkan pelajar tidak dapat dikawal dan seterusnya menyumbang kepada tingkah laku buli di sekolah.

Tambahan lagi, faktor media menjadi punca kepada merebaknya gejala buli ini. Ini kerana media seperti televisyen sering memaparkan aksi dan tingkah laku yang ganas dan seterusnya mempengaruhi remaja. Perkara ini akan lebih terdedah sekiranya tiada pantauan dari orang dewasa. Meraka akan menganggap aksi-aksi yang ganas sebagai sesuatu yang dibenarkan. Faktor yang terakhir ialah faktor kawalan kendiri kajian Unnever dan Cornell (2003) tentang pengaruh kawalan diri rendah dan *Attention-Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) terhadap perlakuan buli dan mangsa. Dapatan kajian menunjukkan kawalan diri yang rendah dan ADHD sebagai faktor kritisik yang menyumbang kepada perlakuan buli dan mangsa buli.

